



# KENYATAAN MEDIA

Lembaga Pembangunan  
Pelaburan Malaysia

Blok 4, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
50470 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Tel: (603) 2287 3628  
Fax: (603) 2274 7970  
Email: [investmalaysia@mida.gov.my](mailto:investmalaysia@mida.gov.my)  
Laman Web: [www.mida.gov.my](http://www.mida.gov.my)

## PERSIDANGAN TAHUNAN MIDA BAGI PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2010

18 JANUARI 2011

KENYATAAN OLEH:

**YB DATO' SERI MUSTAPA BIN MOHAMED**

**MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Selaras dengan pemulihan ekonomi global, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh iaitu sebanyak 8.1 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar bagi tempoh Januari-September 2010 berbanding dengan penguncutan sebanyak 1.7 peratus bagi keseluruhan tahun 2009.

Prestasi ekonomi Malaysia yang memberangsangkan ini disebabkan oleh peningkatan permintaan domestik yang berterusan, peningkatan perbelanjaan sektor swasta dan pemulihan permintaan luar.

Sektor perkilangan adalah sektor yang mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi pada tahun 2010. Ia mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 13.5 peratus dan menyumbang sebanyak 27.9 peratus kepada KDNK. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 7.0 peratus dan menyumbang sebanyak 57.0 peratus kepada KDNK.

### **KELULUSAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Malaysia menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi dan ketara dalam sektor perkilangan pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009. Bilangan projek yang diluluskan juga mencatatkan peningkatan.

Sejumlah 910 projek yang melibatkan pelaburan sebanyak RM47.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2010, berbanding dengan 766 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM32.6 bilion pada tahun 2009. Ianya mewakili peningkatan sebanyak 44.8 peratus dalam pelaburan modal.

Jumlah pelaburan ini telah meningkat sebanyak RM19.7 bilion atau 71.6 peratus daripada purata sasaran pelaburan tahunan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020 iaitu RM27.5 bilion.

## **PELABURAN ASING DAN DOMESTIK**

Pada tahun 2010, pelaburan asing dalam projek diluluskan berjumlah RM29.1 bilion, iaitu 31.7 peratus lebih tinggi daripada yang dicatatkan pada tahun 2009 sebanyak RM22.1 bilion.

Ini telah disebabkan oleh peningkatan minat pelabur asing untuk melabur di dalam bidang-bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran. Peningkatan pelaburan asing ini juga disebabkan oleh penambahbaikan dalam ekonomi negara-negara pengeksport modal.

Pelabur domestik juga menunjukkan peningkatan minat yang kukuh untuk melabur di dalam sektor perkilangan pada tahun 2010. Sejumlah RM18.1 bilion telah diluluskan pada tahun 2010 berbanding dengan RM10.5 bilion pada tahun 2009. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 72.4 peratus dalam pelaburan modal diluluskan.

## **PROJEK BARU**

**Malaysia terus kekal sebagai sebuah lokasi yang kompetitif dalam menarik pelaburan baru walaupun menghadapi persaingan FDI global yang sengit. Daripada 910 projek yang telah diluluskan, 537 adalah projek baru yang melibatkan pelaburan sejumlah RM23.9 bilion atau 50.6 peratus daripada jumlah pelaburan.**

**Pelaburan asing di dalam projek ini berjumlah RM11.7 bilion (49.0%) sementara pelaburan domestik berjumlah RM12.2 bilion (51.0%).**

## **PROJEK PEMBESARAN/PELBAGAIAN**

**Syarikat sedia ada terus menunjukkan keyakinan dalam persekitaran perniagaan di Malaysia dengan melaksanakan aktiviti pembesaran dan pelbagaian yang berterusan. Pada tahun 2010, sejumlah 373 projek pembesaran dan pelbagaian telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM23.3 bilion yang mewakili 49.4 peratus daripada jumlah pelaburan.**

Pelaburan asing di dalam projek pembesaran dan pelbaian mencatatkan peningkatan sebanyak 200 peratus dalam pelaburan modal daripada RM5.8 bilion pada tahun 2009 kepada 17.4 bilion pada tahun 2010.

Pelaburan domestik dalam aktiviti pembesaran dan pelbaian juga adalah menggalakkan. Pelaburan domestik dalam aktiviti ini menunjukkan peningkatan sebanyak 23 peratus kepada RM5.9 bilion pada tahun 2010 daripada RM4.8 billion pada tahun 2009.

### **PELABURAN DALAM INDUSTRI UTAMA**

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2010 adalah terutamanya dalam produk elektrik dan elektronik, produk petroleum (termasuk petrokimia), produk logam asas, kelengkapan pengangkutan dan produk galian bukan logam. Kelima-lima industri ini menyumbang sebanyak 65.7 peratus atau RM31.0 bilion daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan.

## **PELUANG PEKERJAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA BERPENGETAHUAN**

Kesediaadaan gunatenaga mahir dan berbakat di negara ini yang disokong oleh program-program pembangunan modal insan yang mantap adalah penting bagi syarikat-syarikat pengilangan untuk bersaing di peringkat global. Perubahan corak gunatenaga dalam sektor perkilangan ini sedang berlaku dengan peningkatan bilangan rakyat Malaysia yang telah digaji dalam pekerjaan yang berkemahiran tinggi dan berpendapatan lebih tinggi.

Projek yang telah diluluskan pada tahun 2010, bila dilaksanakan, dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 97,319 yang mana 74.2 peratus atau 72,221 adalah dalam kategori berpendapatan tinggi. Sebagai contoh, terdapat peningkatan bilangan pengurus dan jurutera rakyat Malaysia yang sedang digaji dalam industri seperti solar, elektronik termaju, peralatan perubatan, aeroangkasa, minyak & gas serta aktiviti R&D/D&D.

## **SUMBER UTAMA PELABURAN ASING**

Persekutuan perniagaan yang kondusif di Malaysia terus menarik pelaburan daripada negara-negara pengeksport modal utama walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu pada tahun 2010. Pelabur-pelabur asing utama di Malaysia termasuk:

*i. Amerika Syarikat*

Amerika Syarikat adalah sumber pelaburan asing terbesar pada tahun 2010 dengan pelaburan sebanyak RM11.7 bilion. Pelaburan tersebut adalah dalam 47 projek, 12 daripadanya adalah dalam projek baru, manakala 35 adalah projek pembesaran dan pelbagai. Pelaburan Amerika Syarikat adalah terutamanya dalam produk E&E, jentera dan kelengkapan serta peralatan pengukuran dan saintifik.

*ii. Jepun*

Jepun merupakan pelabur kedua terbesar pada tahun 2010 dengan pelaburan sebanyak RM4.0 bilion di dalam 61 projek. Pelaburan dari negara Jepun adalah terutamanya di dalam produk galian bukan logam, produk logam asas, dan produk E&E.

**iii. Hong Kong**

Hong Kong muncul sebagai satu sumber FDI yang penting dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.8 bilion di dalam 11 projek pada tahun 2010. Di antara sektor yang diluluskan adalah produk logam asas, produk logam fabrikasi dan kelengkapan pengangkutan.

**iv. Singapura**

Singapura terus menjadi pelabur yang penting pada tahun 2010 dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM2.1 bilion. Pelaburan dari negara Singapura adalah tertumpu dalam industri kimia dan produk kimia, pengilangan makanan dan produk petroleum (termasuk petrokimia).

**v) Jerman**

Pelaburan dari negara Jerman pada tahun 2010 berjumlah RM1.9 billion. Pelaburan dari negara Jerman adalah terutamanya dalam peralatan pengukuran dan saintifik, kimia dan produk kimia serta produk E&E.

Sumber pelaburan asing utama lain dalam projek yang diluluskan adalah Taiwan (RM1.0 bilion), Belanda (RM934.6 juta), Kepulauan British Virgin (RM889.9 juta), China (RM639.5 juta) dan Switzerland (RM574.1 juta).

### **PELABURAN YANG DILAKSANAKAN**

Bagi tempoh 2005-2010, sejumlah 5,648 projek pengilangan telah diluluskan dan daripada jumlah ini, 4,443 projek atau 78.7 peratus telah dilaksanakan. Jumlah pelaburan modal di dalam projek dilaksanakan ini bernilai RM155.1 bilion.

Sejumlah 4,185 projek sedang beroperasi dan 258 projek lagi adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 4,185 projek yang sedang beroperasi, 637 projek telah dilaksanakan pada tahun 2010. Sebahagian besar projek yang dilaksanakan adalah ditempatkan di negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Melaka.

### **PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN**

Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber pertumbuhan penting dalam ekonomi Malaysia. Pada tahun 2010 (Januari-September), sejumlah 2,407 projek dengan pelaburan sebanyak RM27.7 bilion telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan.

Projek yang diluluskan pada tahun 2010 (Januari-September) dijangka akan menjana 44,561 peluang pekerjaan, terutamanya di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Pelaburan domestik mewakili sebahagian besar pelaburan (RM24.4 bilion atau 88.1 peratus), manakala pelaburan asing berjumlah RM3.3 bilion atau 11.9 peratus.

### **PELABURAN OLEH SUBSEKTOR UTAMA**

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk harta tanah, pengangkutan, tenaga, telekomunikasi, perdagangan pengedaran, perkhidmatan sokongan serta hotel dan pelancongan.

#### **Pelaburan dalam Subsektor Utama Perkhidmatan:**

##### **i. Harta Tanah**

Harta tanah adalah subsektor perkhidmatan terbesar dari segi pelaburan yang diluluskan bagi tempoh Januari-September 2010 yang bernilai RM6.1 bilion di dalam 923 projek. Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor ini melebihi jumlah pelaburan bagi keseluruhan tahun 2009 yang berjumlah RM4.6 bilion.

ii. **Pengangkutan**

Subsektor pengangkutan merangkumi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya. Bagi tempoh Januari–September 2010, sejumlah 34 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM5.1 bilion. Projek yang diluluskan pada tahun 2010 adalah terutamanya dalam subsektor penerbangan dan maritim dengan pelaburan masing-masing bernilai RM4.4 bilion dan RM586.3 juta.

iii. **Tenaga**

Subsektor tenaga kekal sebagai salah satu penyumbang utama pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Bagi tempoh Januari–September 2010, jumlah pelaburan di dalam subsektor ini bernilai RM4.0 bilion, yang mana kesemuanya adalah pelaburan domestik.

## **LANGKAH-LANGKAH YANG DILAKSANAKAN**

Model Baru Ekonomi (NEM) telah menggariskan beberapa pelan tindakan bagi meningkatkan peranan sektor swasta dan untuk menjadikan Malaysia berdaya saing di peringkat global bagi para pelabur.

Pelbagai langkah-langkah dan inisiatif yang berterusan telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia mencapai objektif untuk menjadi negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2010.

Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuk:

- penubuhan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) di MIDA untuk menilai dan meluluskan projek pelaburan serta memaklumkan keputusan kepada syarikat pada masa yang singkat (*real time*); dan
- penubuhan Pasukan Petugas Khas Mengenai Pelaburan pada Julai 2010 bagi menyelaras aktiviti penggalakan pelaburan dan maklumat statistik di kalangan wilayah-wilayah koridor.

MIDA juga sedang dalam proses pengkorporatan bagi memberinya fleksibiliti dalam menarik pelaburan dan menjadikannya sebagai sebuah Agensi Penggalakan Pelaburan yang lebih efektif.

### **TINJAUAN PELABURAN BAGI TAHUN 2011**

Berdasarkan kepada Laporan *UNCTAD World Investment 2010*, aliran masuk FDI global dijangka akan meningkat kepada US\$1.3 – US\$1.5 trillion pada tahun 2011, dan seterusnya kepada US\$1.6 – US\$2 trillion pada tahun 2012.

Bank Negara Malaysia telah melaporkan bahawa bagi sembilan bulan pertama tahun 2010, aliran masuk FDI ke Malaysia telah melonjak kepada RM17.1 bilion daripada RM5 bilion bagi keseluruhan tahun 2009.

Kaji selidik *UNCTAD World Investments Prospects 2010-2012* juga menunjukkan hasrat pelabur yang semakin kukuh dan optimis terhadap perniagaan untuk terus mengembangkan operasi di luar negara pada tahun 2011 dan 2012. Berdasarkan senario tersebut, aliran masuk FDI global ke

**Malaysia dijangka akan terus meningkat pada tahun 2011 dan tahun-tahun seterusnya.**

Kerajaan akan terus memperhalusi polisi dan insentifnya, serta mengambil langkah-langkah bagi menambahbaik sistem penyampaian awam untuk memastikan Malaysia terus mengekalkan daya tarikannya sebagai destinasi pelaburan pilihan. Kerajaan telah memulakan transformasi jangka panjang yang terperinci dan komprehensif bagi memastikan negara kekal di landasannya bagi mencapai ekonomi maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

MIDA akan terus memainkan peranan utama bagi memastikan peningkatan ketara dalam aktiviti pelaburan di dalam 12 NKEA dan sektor utama lain.